

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 30 Mac 2021 9:38 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 3 DEKAD MENABUR BAKTI, PENDAFTAR KE-8 BANGGA BERKHIDMAT UNTUK UNIVERSITI



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

30 MAC 2021 / 16 SYAABAN 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

3 DEKAD MENABUR BAKTI, PENDAFTAR KE-8 BANGGA BERKHIDMAT UNTUK UNIVERSITI



UUM ONLINE: Masa beredar begitu pantas tanpa disedari telah 3 dekad Pendaftar Ke-8 Baharudin Yaacob menabur bakti kepada Universiti Pengurusan Terkemuka ini.

Tanggal 25 Mac, genap beliau melabuhkan tirai dalam perkhidmatan awam yang menyaksikan beliau bersara wajib pada hari kelahirannya.

Sebelum melangkah meninggalkan universiti ini, beliau sempat menitipkan pesanan kepada semua warga kerja UUM agar menjalankan tugas dengan amanah dan semangat serta 'attention to details' dalam semua kerja diberikan.

Anak kelahiran Baling itu memulakan tugas di UUM pada 1990 sebagai Penolong Pengurus Asrama setelah puas merantau di negeri orang, akhirnya memilih untuk kembali ke Kedah menabur bakti.

Memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari UUM, beliau melangkah setapak demi setapak sehingga menjawat jawatan terakhir sebagai Pendaftar mulai November 2017 hingga Mac 2021 dengan menguruskan 2,887 staf terdiri 1,187 staf akademik dan 1,692 staf pentadbiran dan sokongan.

Di bawah pentadbiran beliau sebagai Pendaftar, pelbagai kejayaan dicapai antaranya mendapat lima bintang dalam KPI Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) peringkat nasional tahun 2018 anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pencapaian markah 99.8.

Beliau banyak menyumbang idea kepada pembangunan universiti khususnya membantu Naib Canselor mentadbir dan mengurus UUM meliputi aspek pengurusan governan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia, pentadbiran akademik dan pengurusan hal ehwal pelajar.

Untuk memantapkan lagi kemahiran pengurusan, beliau turut dihantar menghadiri lebih 100 kursus bukan sahaja di dalam negara, malah luar negara seperti Thailand, Amerika, Hong Kong, Australia dan Afrika Selatan.

Kredibiliti yang dimiliki beliau juga telah melayakkannya memegang pelbagai jawatan dan amanah, antaranya sebagai Setiausaha Lembaga Pengarah UUM dan Setiausaha Senat UUM, Setiausaha Jawatankuasa Tatatertib Universiti, Imempengerusikan pelbagai Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti sama ada Jawatankuasa di bawah punca kuasa Perlembagaan, Statut dan Kaedah-kaedah UUM serta Jawatankuasa yang diarahkan oleh Naib Canselor bagi memastikan pengurusan UUM berjalan lancar.

Di samping itu, penglibatan beliau bersama Ahli Lembaga Pengarah serta warga kerja, UUM telah merangkul banyak kejayaan antaranya mencapai tahap kedudukan terbaik dunia dalam QS World University Rankings dan Times Higher Education (THE) Young University Rankings serta akreditasi hebat di peringkat antarabangsa seperti Association to Advance Collegiate Schools Business (AACSB) dan Association of MBAs (AMBA).

Dalam kesibukan sebagai penjawat awam, beliau turut aktif dalam aktiviti kesukarelawanan apabila dilantik sebagai Naib Pengerusi 1, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Negeri Kedah sejak 2012, selain Pegawai Penaung dengan pangkat Leftenan Kolonel TUDM (Kehormat) dalam Pasukan Pegawai Sukarela Simpanan Siswa (PALAPES) pada 21 April 2011 hingga kini.

Pernah dilantik sebagai Pengarah Canselori, Pengarah Unit Alumni dan Pengarah Hal Ehwal Akademik, khidmat bakti cemerlang Baharudin diiktiraf dengan penganugerahan Pingat Ahli Mahkota Kedah (AMK) pada 2013 dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada 2001 oleh Almarhum Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah.


"Saya telah bekerja bersama-sama staf UUM selama 3 dekad pastinya banyak kenangan suka duka yang tersemat di ingatan.

"Sejujurnya saya amat berbangga berkhidmat di UUM dan akan terus menyumbang dengan cara lain walaupun tidak lagi bekerja di universiti ini," tuturnya.

Selain itu, beliau berhasrat memanfaatkan masa terluang dengan melakukan perkara yang menjadi minatnya yang tidak sempat dilakukan semasa dalam perkhidmatan khususnya kerja amal dan kesukarelawan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.